

Dari segi etimologi, pornografi berasal daripada dua perkataan Greek. Dua perkataan tersebut ialah *pornē* yang bermaksud pelacur dan *graphein* yang membawa makna tulis. Kedua-dua perkataan tersebut jika digabungkan akan menjadi *pornographos* yang membawa maksud penulisan tentang pelacur. Menjelang abad ke-19, perkataan *pornography* dalam bahasa Inggeris digunakan secara meluas. Berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* pula, pornografi bermaksud penggambaran atau pengisahan sesuatu perlakuan dengan cara yang menghairahkan atau yang bertujuan untuk membangkitkan nafsu seks menerusi segala bahan, seperti filem, foto dan bahan bacaan, penggambaran atau pengisahan sesuatu perbuatan secara lucah.

Peredaran zaman dan kecanggihan teknologi, seperti pengenalan internet dan telefon pintar kepada dunia telah menyebabkan bahan pornografi mudah diakses oleh sesiapa pun termasuk golongan kanak-kanak di bawah usia 12 tahun. Segalagalanya berada di hujung jari – bahan bermanfaat dan tidak bermanfaat mudah dicapai, dimuat naik, disebar dan juga dimuat turun. Semenjak kewujudan internet dalam kehidupan manusia, laman pornografi semakin berkembang pesat. Pada tahun 1998 sahaja, terdapat 14 juta laman web pornografi. Jumlahnya pada tahun 2003 meningkat sehingga 260 juta. Pada tahun 2006 (420 juta), pada tahun 2010 (500 juta). Jumlah laman web tersebut semakin meningkat pada tahun 2012 apabila sebanyak 980 juta laman web pornografi telah direkodkan. Amat menggerunkan apabila pada tahun 2018, sebanyak 2.3 bilion laman web tersebut telah dikenal pasti.

Peningkatan jumlah laman ini sejak tahun 1998 hingga tahun 2018 disebabkan oleh faktor permintaan. Jika permintaan terhadap bahan



## Pornografi Perosak Generasi Muda

GENERASI muda ialah golongan pelapis yang akan menggantikan generasi lama dalam segenap bidang atau cabang kerjaya. Walau bagaimanapun, masalah pornografi terutama ketagihan pornografi dalam kalangan generasi muda ternyata amat membimbangkan. Fenomena perosak ketamadunan ini bukan sahaja berlaku di Malaysia malahan seluruh dunia. Ketagihan pornografi banyak memberikan impak negatif bukan sahaja kepada diri sendiri, malahan terhadap hubungan antara ahli keluarga, rakan taulan dan masyarakat.



pornografi tinggi, sudah pasti penawarannya juga akan meningkat. Permintaan yang tinggi telah menyebabkan industri pornografi giat berkembang dan semakin sukar untuk dibendung. Malahan, industri pornografi tidak akan pernah gulung tikar disebabkan oleh permintaan yang tinggi. Tambah memburukkan keadaan apabila terdapat negara yang tidak menyekat perkembangan industri tidak bermoral tersebut.

Pada tahun 2017, terdapat 100 laman paling popular yang dilayari atau dicapai oleh penduduk dunia. Lima laman pornografi telah dikenal pasti antara yang tersenarai dalam 100 laman web paling popular.

Kelima-lima laman web pornografi terbabit telah dilawati oleh enam bilion orang pelawat pada setiap bulan pada tahun 2017 sahaja. Jumlah pelawat meningkat secara mendadak

sehingga 42 bilion pada tahun 2019. Hal ini bermakna sebanyak 115 juta orang pelawat telah melayari laman pornografi tersebut dalam masa sehari. Pada tahun yang sama juga laman web pornografi terbabit telah memuat naik 6.83 juta video baharu. Amatlah jelas bahawa pornografi telah menjadi kandungan yang semakin popular dilawati oleh penduduk dunia. Permintaan yang amat tinggi telah menyebabkan kandungan atau video baharu dimuat naik dalam laman web mereka. Tambahan pula, industri pornografi menjana pendapatan yang amat lumayan. Hal ini dikatakan demikian kerana pendapatan industri pornografi secara global adalah sebanyak AS\$97 bilion atau RM394 bilion. Pendapatan industri pornografi telah mengatasi keuntungan industri teknologi

Peningkatan jumlah laman pornografi sejak tahun 1998 hingga tahun 2018 disebabkan oleh faktor permintaan. Jika permintaan terhadap bahan pornografi tinggi, sudah pasti penawarannya juga akan meningkat.

maklumat, seperti Yahoo, Google dan sebagainya.

Amatlah parah apabila laman web tidak bermoral ini majoritinya dilawati oleh golongan lelaki. Hal ini dikatakan demikian kerana 75 peratus daripada golongan yang melawati dan menonton video pornografi ialah golongan lelaki berbanding dengan golongan wanita yang hanya meliputi 25 peratus sahaja. Secara keseluruhannya – yakni membabitkan semua jenis laman web pornografi, sebanyak 90 peratus golongan lelaki melawati dan menonton video lucah di laman web tersebut berbanding dengan golongan wanita yang hanya membabitkan 10 peratus sahaja.

Dari segi usia, rata-rata yang melawat laman tersebut berumur antara 18 sehingga 50 tahun, namun tidak dapat dinafikan bahawa terdapat pelawat yang berumur di bawah 18 tahun. Mereka tidak semestinya melawat laman web terbabit kerana terdapat jutaan laman web pornografi lain yang boleh diakses dengan mudah oleh golongan yang berusia di bawah 18 tahun. Mengikut rekod, sebanyak 47 juta video lucah telah ditonton oleh golongan yang berusia antara tujuh hingga 14 tahun di Amerika Syarikat pada setiap hari. Hal yang demikian hanyalah angka penonton muda dari Amerika Syarikat sahaja. Bayangkan jika diambil kira di seluruh dunia, sudah pasti jumlah tontonan video lucah akan mencecah bilion orang penonton dalam tempoh sehari. Di Malaysia, satu kajian yang dilakukan oleh Fakulti Psikologi, Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapati bahawa kanak-kanak lelaki dan perempuan telah terdedah dengan kandungan pornografi seawal usia 12 tahun. Sementara itu, kajian *Malaysians Against Pornografi (MAP)* pada tahun 2018 pula mendedahkan bahawa kira-kira 80 peratus kanak-kanak yang berusia antara 10

sehingga 17 tahun telah menonton pornografi secara sengaja.

Kerancangan industri pornografi di negara yang membenarkannya, seperti Amerika Syarikat dan Jepun telah memberikan kesan negatif kepada masyarakat dunia apabila wujudnya pornografi kanak-kanak yang kian berkembang. Pada tahun 2017 sahaja, lebih 624 ribu penjual kandungan pornografi kanak-kanak secara dalam talian telah dikenal pasti di Amerika Syarikat. Oleh sebab itu, kewujudan golongan pedofilia satu daripadanya berpunca daripada perkembangan pesat pornografi kanak-kanak.

Jenayah seksual terhadap kanak-kanak amat berkait rapat dengan masalah ketagihan pornografi yang berlaku dalam kalangan masyarakat tanpa mengira usia mahupun latar belakang pendidikan. Sebagai impaknya, mereka akan lebih banyak berfantasi berbanding dengan menerima hakikat realiti, yakni hubungan seksual yang ada batasannya, lebih-lebih lagi batasan yang dihadkan atas faktor agama dan nilai moral. Fantasi seksual pada akhirnya mengakibatkan penagih pornografi terjebak dengan perlakuan seks terlarang, seperti sumbang mahram, pedofilia dan rogol.

Sejak tahun 2015 hingga Oktober 2018, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menyekat sebanyak 4318 laman web pornografi, malahan sebanyak 399 laman tersebut berunsurkan pornografi kanak-kanak. Negara lain, seperti Nepal, Pakistan dan Bangladesh turut mengenakan sekatan terhadap laman web tersebut. Di Nepal, pihak berkuasanya telah menyekat 25 ribu laman web pornografi pada Oktober 2018 kerana percaya bahawa laman web tersebut menjadi antara faktor penyumbang utama kepada peningkatan kes keganasan seksual termasuk rogol di negara terbabit. Sementara itu, sejak 2016,

Pakistan telah menyekat lebih 400 ribu laman web yang mengandungi kandungan lucah. Bangladesh pula telah menyekat 20 ribu laman web pornografi dan perjudian dalam talian sejak Februari 2019 yang lalu.

Jumlah sekatan terhadap laman web tersebut masih tidak mampu menandingi kewujudan laman web pornografi yang mencecah sehingga angka bilion-bilion banyaknya. Usaha menyekatnya bukanlah mudah. Hal ini dikatakan demikian kerana jumlah laman tersebut semakin meningkat saban tahun dan ada juga yang berjaya menembusi negara ini. Untuk menangani perkara tersebut, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menubuhkan sebuah unit baharu yang dikenali sebagai Unit Siasatan Jenayah Siber (internet) Terhadap Kanak-kanak Malaysia (MICAC) bagi memantau rakyat Malaysia yang melayari laman web pornografi terutamanya pornografi kanak-kanak. Perisian yang dikenali sebagai *Internet Crime Against Children — Children Online Protective Services* telah dibangunkan di Amerika Syarikat. Perisian tersebut digunakan oleh PDRM untuk memantau rakyat Malaysia dan berkemampuan mengenal pasti identiti dan maklumat pengguna, lokasi, nama laman web pornografi yang dilawati, lokasi muat naik pornografi dan jangka masa yang dihabiskan oleh mereka untuk melayari laman pornografi terbabit.

Diharapkan usaha PDRM ini akan dapat menyekat penularan laman web pornografi terutama yang membabitkan kanak-kanak di negara ini. Usaha menyekat penularan kandungan pornografi di negara ini bertujuan untuk melahirkan generasi muda yang bertamadun tinggi dan berbakat dalam pelbagai bidang. Tanpa generasi muda, sesebuah negara akan kehilangan pewarisnya. Oleh itu, generasi muda harus menjadi masyarakat yang antipornografi. □